

Kanta Lembah Pantai - berita terkini dari Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai - edisi 18hb Sept 2012



25 September 2012
Isu 3



Mengutamakan Kesihatan Penduduk

Ahad, 23 Sept - Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai telah sekali lagi dengan jayanya menjalankan program klinik percuma Demi Rakyat, kali ini di Blok C PPR Kerinchi di Pantai Dalam. Program yang berlangsung dari jam 10 pagi ke 1 petang ini telah menyaksikan seramai 71 orang penduduk mendapat saringan kesihatan serta ubat-ubat asas secara percuma, yang dibuat seorang doktor bertauliah (hal yang tidak berlaku di Klinik-klinik 1Malaysia, yang juga bercanggah dengan Akta Perubatan).

Klinik Demi Rakyat yang diadakan setiap bulan ini cukup diminati para penduduk, dan menyaksikan antara 50 hingga 100 pesakit dirawat doktor yang bekerja secara sukarela. Namun, pihak Pejabat Ahli Parlimen sering mengalami cabaran dari segi jumlah doktor sukarelawan serta lokasi program yang ada kalanya diganggu pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Bantu YB Nurul Izzah

- Sebagai Polling Agent/Counting Agent untuk PRU13
- Sumbang dana: 'Ahli Parlimen Lembah Pantai'
A/C: 5641 2834 5008
Maybank - Bangsar Baru

Program Akan Datang

- 24 Sept - Sesi Parlimen bermula
- 26 Sept, 2ptg - Pengumuman Belanjawan Pakatan Rakyat 2013
- 29 Sept, 8mlm - Pesta Tanglung di Taman Seri Sentosa
- 7 Okt, 10pg - Program Derma Darah di Pantai Permai

Ikuti YB Nurul Izzah di

Facebook

Twitter

Walau apa pun, usaha untuk memberi perkhidmatan perubatan secara percuma ini akan diteruskan, di mana program seterusnya adalah pada 7hb Oktober iaitu program derma darah di Perumahan Pantai Permai.

Mendengar Rintihan Hati



Jumaat, 21 Sept - YB Nurul Izzah meneruskan program-program turun padang beliau di serata Lembah Pantai sebelum bermulanya sesi Parlimen pada 24hb September demi mendengar sendiri keperluan, permintaan, dan rintihan hati serta masalah-masalah yang dihadapi warga Lembah Pantai. Bagi mereka yang menetap di Taman Seri Sentosa, yang dilawati hari ini, antara kisah yang selalu di bibir penduduk termasuklah harga barang naik, jenayah yang berleluasa, dan kesesakan lalulintas yang cukup teruk terutamanya pada waktu pergi dan pulang dari kerja.

Para penduduk turut risau dengan jalan-jalan yang berlopak dan berlubang, namun mereka turut sedar yang DBKL harus dipertanggungjawabkan kerana sebenarnya DBKL lah badan yang wajib menjaga hal-hal ini.

Salah satu isu yang turut membimbangkan para penduduk adalah pusat-pusat perjudian yang bercambah bak cendawan lepas hujan, yang kadang-kala berselindung disebalik perniagaan cybercafe.

YB Nurul Izzah telah mengambil maklum tentang isu-isu yang dibangkitkan, dan akan menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab dan juga membangkitkan isu-isu ini di Parlimen kelak.

Sistem radar di Subang gagal selama 2 jam



Malaysiakini-Hazlan Zakaria

Jumaat, 21 Sept - Rakyat Malaysia telah dikejutkan dengan berita terbaru berkaitan sistem radar dan radio di Pusat Kawalan Trafik Udara (Air Traffic Control Center, ATCC) Subang, yang telah gagal sepenuhnya selama dua jam pada 12hb September 2012 antara jam 02.50 pagi hingga 04.15 pagi. Kegagalan yang dikatakan berpunca dari terputusnya bekalan elektrik amat sukar diterima ramai pihak.

YB Nurul Izzah, YB Tian Chua, sdr N Surendran dan General Dato' Hadi telah hadir di ATCC Subang untuk menerangkan kepada pihak media tentang skandal terkini yang turut dikaitkan dengan Advanced Air Trafic (AAT) (M) Sdn Bhd, di mana anak DS Jamaluddin Jarjis merupakan salah seorang pengarah syarikat tersebut.

Walaupun pihak Jabatan Penerbangan Awam cukup pantas menafikan yang sistem radar dan radio di Subang telah gagal sepenuhnya, namun timbul pula cerita terbaru yang mengatakan ada sistem berkaitan yang telah gagal pula. Nantikan kupasan berita ini nanti.

[Baca berita sepenuhnya di sini.](#)

PR dan BN: Sama tapi Berbeza

Oleh YB Nurul Izzah Anwar

Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional mempunyai persamaan pada perkara-perkara pokok kenegaraan.

Perbezaan yang wujud adalah mengenai pendekatan prinsip pemerintahan dan soal demokrasi.

Secara ringkasnya "Ada lima yang sama dan ada lima yang berbeza di antara PR dan BN."

Lima Persamaan Pokok... ([Baca seterusnya](#))

(Disiarkan di Sinar Harian pada 11 Sep 2012)

Bayangkan Masa Depan Kita...

Antara kelebihan manusia adalah menggunakan imaginasi untuk membayangkan masa depan yang lebih membahagiakan. Ada yang menggelarnya wawasan dan ada yang mengatakan ia angan-angan mat jenin.

Namun, bayangan ini penting untuk mereisasikan impian bagi setiap manusia.

Bayangkan, desakan rakyat supaya prinsip 'kuasa dari rakyat untuk rakyat' -di mana semua cabang kenegaraan iaitu eksekutif, parlimen dan kehakiman benar-benar independen, dan mampu bertindak sebagai penimbang-tara dalam konsep pemisahan kuasa demokrasi yang dipantau media yang bebas. Peluang dan ruang untuk salahguna kuasa dan rasuah dapat juga disekat akhirnya.

[Baca seterusnya.](#)

Sebarkan!

Mari bantu sebarkan maklumat kerja-kerja YB Nurul Izzah di Lembah Pantai:

- ajak kawan-kawan (terutama di Lembah Pantai) untuk sertai Kanta Lembah Pantai
- hantar emel ini kepada rakan-rakan

Ayuhlah kita lakukan perubahan, demi Malaysia yang lebih baik!

- Pejabat YB Nurul Izzah

10/2/12

Berita YB Nurul Izzah: 25 September 2012

[unsubscribe from this list](#) | [update subscription preferences](#)